

25 NOV 1999

P/Raya-Wanita (Fokus Berita)

WANITA MAHU KEMENANGAN MUTLAK SEBAGAI HADIAH KEPADA DR MAHATHIR

Oleh: Zainal Abdul Jalil

ALOR SETAR, 25 Nov (Bernama) -- Pergerakan Wanita UMNO Kedah yakin Barisan Nasional (BN) dapat memenangi kesemua empat kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan satu kerusi Parlimen yang diperuntukkan kepada calon wanita di negeri itu pada pilihan raya umum ke-10 ini.

"Sehingga sekarang wanita tidak melihat sebarang isu yang boleh menjadi masalah menghalang kami mencapai matlamat itu," kata ketuanya Fatimah Ismail.

Tiga daripada calon Pergerakan Wanita UMNO adalah muka baru iaitu Rosnah Abdul Majid di DUN Tanjong Dawai, Marlia Abdul Latiff di Merbau Pulas dan Siti Meriam Salleh di Belantek.

Ketua Wanita Umno Kubang Pasu Barishah Saad pula mempertahankan kerusi DUN Tunjang bagi penggal kedua manakala BN meletakkan Timbalan Ketua Wanita MCA Negeri Lim Bee Kau bertanding di Parlimen Padang Serai bagi menggantikan ketuanya, Lim Lay Hoon.

Bagi Fatimah, penggugurannya kali ini tidak mematahkan semangatnya untuk terus berjasa kepada parti dan tidak meluntur keyakinan bahawa BN dan calon-calon wanitanya kali ini dapat mencatatkan kemenangan.

"Apabila nama saya tidak diumumkan sebagai calon bagi penggal ketiga, pembangkang fikir saya kecewa dan ada yang cuba mempengaruhi saya supaya menyokong mereka tetapi mereka silap kerana saya tetap setia dengan UMNO," kata Fatimah yang memenangi kerusi DUN Sungai Tiang pada pilihan raya lepas.

Beliau berkata pergerakan wanita dalam BN akan bekerja kuat bagi menjamin kemenangan mutlak semua calon BN sebagai hadiah kepada Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memberi kepercayaan dan penghargaan kepada wanita.

Untuk itu, pergerakan wanita menggerakkan seluruh jenteranya termasuk 12,600 orang perayu undi ke seluruh negeri dan menjalankan kempen dari rumah ke rumah secara bersepadu dengan barisan komponennya yang lain.

Ketua Wanita MIC Negeri, Saratha Balan pula berkata pergerakan wanita MIC menumpukan sepenuh perhatian terhadap pengundi kaum India di luar bandar untuk mendapatkan sokongan 100 peratus.

Katanya, pergerakan itu menggembelngkan tenaga 500 anggotanya untuk berkempen siang dan malam setiap hari selepas penamaan calon selesai pada 20 Nov lepas.

"Apa yang dapat saya rasakan masyarakat luar bandar, khususnya kaum wanita tidak pernah berbelah bagi di dalam memberikan sokongan kepada BN dan tidak terdapat sebarang isu besar yang boleh membuat mereka menyokong pembangkang," katanya.

Calon DUN Tunjang, Barishah yakin pembangkang tidak ada isu untuk dibangkitkan yang boleh menjejaskan kemenangan BN pada pilihan raya ini.

"Mereka tidak boleh menafikan bahawa BN membawa pembangunan dan menyediakan keperluan asas dan sosial di Parlimen Kubang Pasu, dan kerana terdesak menyentuh perkara peribadi dan memburukkan pemimpin seperti Dr Mahathir dalam kempen mereka," katanya.

Barishah ditentang ketua PAS Kubang Pasu Abu Kassim Abdullah pada pilihan raya kali ini. Pada pilihan raya 1995, Barishah mendapat 11,610 undi untuk mengalahkan calon PAS, Yusoff Abdullah yang hanya mendapat 4,366 undi.

Marlia, 46, yang bertanding di DUN Merbau Pulas, berkata beliau tidak merasakan sebarang tekanan dalam menghadapi calon PAS yang juga bekas ketua

Jabatan Siasatan Jenayah Polis Kontinjen Kedah, Abdul Talib Yaakob.

"Sebagai bekas penyelia Kemas di DUN Merbau Pulas, saya boleh menjangkakan BN berpeluang meraih kemenangan dengan majoriti besar," katanya.

Siti Meriam Salleh, 54, calon BN di DUN Belantek, akan menghadapi calon PAS, Mohd Isa Shafie.

Katanya, beliau tidak bimbang kerana mempunyai hubungan baik dengan pengundi.

Sementara itu, bekas Editor Ekonomi akhbar Utusan Malaysia, Rosnah Majid berkata beliau mempunyai visi tersendiri untuk kawasan yang ditandinginya, Tanjong Dawai.

Rosnah, 46, yang kini bergiat sepenuh masa dalam politik akan ditentang ketua PAS kawasan Merbok, Yusof Omar.

Di Parlimen Padang Serai, calon BN, Lim Bee Kau akan ditentang oleh calon Keadilan Saifuddin Ismail Nasution.

-- BERNAMA

ZA MFJ AKD